PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2016

TINJAUAN KESELURUHAN


Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada suku keempat 2016. Namun, ekonomi maju mengalami trend pertumbuhan yang tidak sekata, disebabkan sebahagiannya oleh kekukuhan penggunaan swasta yang berbeza dalam keadaan kitaran dan struktur yang lemah. Di Asia, aktiviti ekonomi disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Perkembangan yang penting ialah sektor luaran dalam beberapa ekonomi mula menyumbang kepada pertumbuhan setelah mengalami pertumbuhan negatif suku tahunan berturut-turut. Turun naik pasaran kewangan makin nyata akibat kebimbangan terhadap isu-isu utama dalam ekonomi maju, seperti isu ketidakpastian dasar dan politik selepas keputusan pilihan raya presiden di Amerika Syarikat (AS) dan juga referendum di UK untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (EU). Secara keseluruhan, keadaan monetari global kekal sangat akomodatif meskipun terdapat kebimbangan yang berterusan terhadap pertumbuhan, dan inflasi yang sungguhpun meningkat namun masih rendah.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2016

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 4.3%), disokong oleh peningkatan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 1.4% (S3 2016: 1.4%).

Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih sederhana, memandangkan pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta yang mampan telah diimbangi sebahagiannya oleh kemerosotan dalam perbelanjaan awam. Pada suku keempat, penggunaan swasta meningkat 6.2% (S3 2016: 6.4%), disokong oleh pertumbuhan upah dan

Ekonomi Berkembang 4.5% pada Suku Keempat (pada harga malar tahun 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

guna tenaga yang berterusan. Pelaburan swasta mencatat peningkatan 4.9% (S3 2016: 4.7%), berikutan perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Walaupun pertumbuhan pelaburan awam bertambah baik terutamanya hasil daripada perbelanjaan lebih tinggi untuk aset tetap oleh syarikat-syarikat awam, namun secara keseluruhan ia terus menguncup pada suku keempat. Penggunaan awam juga merosot sebanyak 4.2% (S3 2016: +2.2%) berikutan rasionalisasi perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, dan pertumbuhan sederhana untuk perbelanjaan emolumen. Bagi sektor luaran, eksport bersih menyumbang secara positif kepada pertumbuhan apabila eksport benar berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan import benar.

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkilangan, perlombongan dan pertanian bertambah baik. Sektor perkilangan berkembang dengan lebih cepat disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri-industri berorientasikan dalam negeri dan eksport. Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang lebih baik hasil daripada pengeluaran gas asli yang lebih tinggi pada suku itu. Aktiviti ekonomi dalam sektor pertanian menguncup pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan kesan El Nino yang semakin berkurang terhadap kadar hasil minyak sawit mentah. Sektor perkhidmatan

terus berkembang, namun pada kadar yang lebih sederhana, disokong terutamanya oleh perkhidmatan berkaitan penggunaan. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan terus didorong oleh subsektor kejuruteraan awam.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.7% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 1.3%), didorong terutamanya oleh pelarasan menaik terhadap harga bahan api dalam negeri pada suku itu. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* mencatat kadar inflasi negatif yang lebih kecil pada 2.6% pada suku itu (S3 2016: -7.4%). Kesan peningkatan inflasi telah dikurangkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* (6.6%; S3 2016: 19.7%) disebabkan luputnya kesan kenaikan harga rokok dalam tempoh asas S4 2015. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, inflasi berpurata 2.1% (2015: 2.1%).

Pada S4 2016, lebihan akaun semasa meningkat disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih tinggi dan defisit lebih kecil dalam akaun pendapatan.

Pada 31 Januari 2017, kedudukan rizab berjumlah USD95.0 bilion (bersamaan dengan RM426.0 bilion). Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk membantu urus niaga antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh, yang jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.1 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi, dengan pembiayaan kepada sektor swasta terus meningkat

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada suku keempat 2016. Paras semasa OPR ini menggambarkan keadaan monetari yang terus menyokong aktiviti ekonomi. Sebagai mencerminkan kadar OPR yang tidak berubah, kadar antara bank dan KLIBOR 3 bulan secara relatif stabil pada suku itu. Sejajar dengan itu, kadar pinjaman runcit juga stabil. Kadar asas (BR) purata berwajaran bank perdagangan tidak berubah pada 3.61% manakala kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sebanyak lima mata asas antara akhir bulan September hingga akhir bulan Disember.

Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM25.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 3% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 2.2%). Peningkatan M3 pada suku ini didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus meningkat kepada sektor swasta oleh sistem perbankan.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran modal berjumlah RM316.2 bilion (S3 2016: RM293.8 bilion). Pada asas bersih, pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP, dan terbitan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 6.5%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih rendah dalam bon korporat terkumpul. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat 4.8% pada suku keempat (S3 2016: 2.0%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul daripada sistem perbankan dan IKP menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 5.8%). Ini mencerminkan terutamanya peningkatan sederhana dalam pinjaman terkumpul untuk pembelian kereta penumpang dan harta kediaman. Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM2.1 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM13.5 bilion). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh pemerolehan dana bersih yang lebih rendah oleh sektor swasta.

Ringgit dan semua mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Penyusutan nilai didorong terutamanya oleh aliran keluar pelaburan portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan ketidakpastian yang berbangkit daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve (Fed) AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 memburukkan lagi aliran keluar portfolio dan terus menambah tekanan terhadap kebanyakan mata wang utama dan serantau. Ringgit juga menghadapi pelarasan tambahan pada suku itu berikutan kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward contract, NDF). Namun, ringgit, bersama-sama mata wang serantau, mulai stabil menjelang akhir suku keempat apabila pasaran kewangan global semakin stabil. Pelaksanaan langkah-langkah untuk membangunkan, memperdalam dan menangani ketidakseimbangan yang semakin nyata dalam pasaran pertukaran asing domestik, dan harga minyak mentah dunia yang lebih kukuh juga menjadikan pasaran pertukaran asing domestik lebih stabil menjelang akhir suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 7.6% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.6%), paun sterling (-2.4%) dan dolar Australia (-2.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali won Korea, antara 2.1% hingga 5.6%.

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun terdapat ketidakpastian global terhadap pelarasan dasar dalam ekonomi-ekonomi utama. Permodalan sistem perbankan kekal kukuh, dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Dengan pelarasan berterusan oleh perniagaan dan isi rumah terhadap prospek ekonomi yang mencabar dan kos sara hidup yang semakin meningkat, penampan kewangan ini akan menyokong daya tahan institusi kewangan. Melangkah ke hadapan, perkembangan luaran akan terus menambah tekanan terhadap turun naik pasaran kewangan domestik. Ini termasuk meningkatnya ketidakpastian terhadap perkembangan politik dan pertumbuhan dalam ekonomi utama selain harga komoditi yang tidak menentu. Namun, kestabilan sistem kewangan domestik dijangka terus terpelihara memandangkan institusi kewangan mempunyai kapasiti menyerap kerugian dengan sokongan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Kedudukan modal institusi kewangan kekal kukuh. Penampan modal bank, syarikat insurans dan pengendali takaful yang digabungkan berjumlah RM172.5 bilion. Bank mengekalkan paras dan kualiti permodalan yang tinggi.Ini ditunjukkan dalam nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan jumlah modal institusi perbankan yang tinggi, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (S3 2016: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.7%). Nisbah kecukupan modal sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 243.8% (S3 2016: 226.3%).

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Pada masa hadapan, ekonomi global dijangka bertambah baik namun terus berada pada landasan pertumbuhan yang sederhana. Walaupun terdapat tanda-tanda pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi utama pada tahun 2017, risiko kepada pertumbuhan global terus meningkat. Ini berikutan harga komoditi yang tidak menentu, ketidakpastian dasar dan prospek pertumbuhan ekonomi maju utama, kegiatan mengelak risiko yang semakin nyata dalam pasaran kewangan global dan juga perkembangan geopolitik.

Meskipun persekitaran luaran akan terus mencabar, ekonomi Malaysia akan mencatat

pertumbuhan yang mampan dengan pemacu utamanya ialah permintaan dalam negeri. Penggunaan swasta dijangka terus disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga, dengan dorongan tambahan daripada pengumuman langkah-langkah Kerajaan untuk menyokong pendapatan boleh guna isi rumah. Aktiviti pelaburan akan terus ditegarkan pada pelaksanaan projek-projek infrastruktur secara berterusan serta perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2016


PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada suku keempat 2016. Ekonomi maju mencatat trend pertumbuhan yang tidak sekata, sebahagiannya didorong oleh perbezaan dari segi kekukuhan penggunaan swasta dalam keadaan kitaran dan struktur yang lemah. Di rantau Asia, aktiviti ekonomi disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Yang penting, sektor luaran membantu beberapa ekonomi mencatat pertumbuhan, selepas mengalami pertumbuhan negatif untuk beberapa suku tahunan berturut-turut. Ketidaktentuan pasaran kewangan meningkat berikutan kebimbangan terhadap isu-isu utama dalam ekonomi maju, seperti ketidakpastian dasar dan politik di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) akibat keputusan pilihan raya presiden di AS dan undian oleh UK untuk keluar dari Kesatuan Eropah. Secara keseluruhan, keadaan monetari global kekal akomodatif, berlatarkan kebimbangan yang berterusan mengenai pertumbuhan berserta inflasi yang semakin meningkat walaupun rendah.

Ekonomi global terus berkembang

Ekonomi maju mencatat prestasi pertumbuhan yang tidak sekata. AS mencatat pertumbuhan yang lebih baik manakala pertumbuhan di UK dan kawasan euro adalah mampan. Ekonomi AS berkembang pada kadar lebih cepat pada suku keempat 2016, mencerminkan terutamanya pertumbuhan pelaburan tetap yang berubah arah. Secara khususnya, perbelanjaan modal sektor awam yang lebih tinggi untuk lebuh raya, pendidikan dan pembinaan berkaitan rekreasi telah menyokong aktiviti pelaburan. Pertumbuhan di UK secara amnya adalah mampan dan disokong terutamanya oleh penggunaan swasta. Firma-firma masih mengambil sikap berhati-hati tentang prospek ekonomi dalam keadaan ketidakpastian yang belum reda mengenai rangka kerja baharu hubungan UK-EU. Di kawasan euro, pertumbuhan sebahagian besarnya dipacu oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, keadaan pasaran pekerja terus lembap dengan pertumbuhan upah yang perlahan dan kadar pengangguran yang tinggi. Di samping itu, keadaan perniagaan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian berikutan pilihan raya kebangsaan yang bakal diadakan dalam beberapa ekonomi penting dan proses rundingan keluar UK-EU yang dijangka berlarutan, terutamanya dengan sentimen yang semakin meningkat berhubung dengan perkembangan di Kesatuan Eropah (euroscepticism) di seluruh rantau tersebut.

Pertumbuhan KDNK Benar Global (Perubahan Tahunan, %)



a Anggaran awal
p Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Aktiviti ekonomi negara-negara sedang pesat membangun di Asia adalah mampan dalam keadaan permintaan luar negeri yang beransur-ansur bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi RR China mencatat sedikit peningkatan. Meskipun industri utama dan sekunder berkembang pada kadar lebih perlahan, perkembangan ini lebih daripada diimbangi oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri perkhidmatan (8.2%, S3 2016: 7.5%), terutamanya dalam perkhidmatan pengguna seperti media, pendidikan, penyelidikan saintifik, dan perkhidmatan sosial. Dalam ekonomi ASEAN, pertumbuhan terus disokong oleh permintaan dalam negeri dengan adanya beberapa sokong dasar.

Ketidaktentuan pasaran kewangan global meningkat pada suku keempat

Pada separuh kedua suku keempat, keadaan kewangan global lebih tidak menentu dan

didominasi oleh peralihan sentimen yang dipengaruhi oleh peristiwa yang berlaku dalam ekonomi maju. Di AS, pasaran ekuiti dan dolar AS meningkat selepas keputusan pilihan raya presiden diumumkan. Peningkatan ini disebabkan jangkaan bahawa pentadbiran baharu AS akan melaksanakan dasar menyokong pertumbuhan dan pengembalian semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar dengan lebih cepat oleh Federal Reserve (Fed). Pasaran kewangan bagi sebahagian besar ekonomi maju lain bertambah baik, disokong oleh tanda-tanda awal kekukuhan dari RR China dan pelanjutan program pembelian bon oleh European Central Bank (ECB). Penyusutan nilai yen berbanding dengan dolar AS juga mendorong pertumbuhan dalam pasaran Jepun, apabila prospek untuk eksport menjadi bertambah baik. Sebaliknya, sebahagian besar pasaran ekuiti dan bon serantau terjejas dengan ketara berikutan kebimbangan bahawa peristiwa ini boleh mencepatkan aliran keluar modal dari pasaran sedang pesat membangun. Oleh itu, mata wang di rantau ini secara amnya menyusut sejak awal bulan November dan mengakhiri suku keempat lebih rendah berbanding dengan dolar AS.

Harga minyak mentah Brent lebih tinggi pada purata USD51 setong (S3 2016: USD47). Pada sebahagian besar suku keempat, jangkaan mengenai perjanjian untuk mengurangkan keluaran minyak oleh OPEC telah mendorong sentimen pasaran untuk meningkat dengan ketara. Trend peningkatan ini terganggu pada pertengahan suku tersebut disebabkan ketidakpastian pascapilihan raya AS. Penurunan ini makin ketara apabila kebimbangan mengenai lebihan bekalan muncul kembali setelah inventori minyak di AS bertambah dan ketidakpastian meningkat mengenai keupayaan OPEC untuk memuktamadkan perjanjiannya. Namun, selepas perjanjian dimeterai antara negara OPEC dan bukan OPEC untuk mengurangkan keluaran minyak, harga minyak mentah Brent meningkat kepada paras tertinggi sejak pertengahan tahun 2015 dan mengakhiri tahun 2016 pada paras USD57 setong.

Inflasi lebih tinggi sedikit dalam ekonomi maju dan Asia

Inflasi keseluruhan dalam ekonomi maju meningkat pada suku keempat walaupun pada kadar lebih rendah berbanding dengan sasaran bank pusat bagi kebanyakan ekonomi. Yang penting, trend inflasi keseluruhan yang lebih tinggi sebahagiannya mencerminkan kenaikan harga minyak mentah pada suku keempat 2016, yang menyebabkan kenaikan harga bahan api dan minyak pembakar, lantas mengurangkan kesan harga tenaga terhadap tekanan harga domestik. Inflasi teras dalam ekonomi maju secara relatifnya kekal tinggi .

Sebahagian besar ekonomi Asia turut mencatat peningkatan inflasi. Harga makanan di rantau ini terus meningkat pada kadar lebih cepat disebabkan kekurangan bekalan ekoran keadaan cuaca yang buruk. Tambahan lagi, kenaikan harga minyak telah meredakan tekanan penurunan harga di seluruh rantau. Yang ketara, selepas mengalami tempoh inflasi negatif sejak suku keempat 2014, Singapura mencatat kenaikan inflasi suku tahunan buat kali pertama, apabila pemulihan sederhana harga minyak global berjaya mengurangkan tekanan daripada kos pengangkutan. Walau bagaimanapun, Hong Kong SAR mengalami inflasi yang sederhana, apabila langkah kerajaan untuk membendung harga perumahan swasta yang melambung mula membuahkan hasil.

Pendirian dasar monetari global masih akomodatif

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju masih sangat akomodatif. Kebanyakan bank pusat mengekalkan kadar dasar utama masing-masing kecuali Fed AS. Fed menaikkan kadar dana persekutuan buat kali pertama sejak bulan Disember 2015 sebanyak 25 mata asas kepada 0.50 – 0.75%. Menurut penilaian Fed, pemulihan ekonomi AS berkembang pada kadar yang sederhana, dengan peningkatan ketara dalam pasaran pekerja. Yang nyata, Jawatankuasa Pasar Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC)

menjangkakan pengembalian semula dasar monetari kepada keadaan wajar dengan lebih cepat pada tahun 2017. Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar utamanya dan meneruskan program pembelian aset (APP) pada kadar EUR80 bilion sebulan sehingga akhir bulan Mac 2017 dan kemudiannya mengurangkan kepada EUR60 bilion sehingga bulan Disember 2017, atau melanjutkannya pada tahun-tahun akan datang. Langkah ini akan bergantung pada pelarasan dalam kadar inflasi. Bank pusat lain dalam ekonomi maju seperti Bank of Japan, Bank of England dan Reserve Bank of Australia tidak mengubah kadar dasar utama mereka sejak suku tahun sebelumnya.

Di Asia, beberapa bank pusat mengurangkan kadar dasar utama mereka pada suku keempat. Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utamanya, iaitu kadar repo berbalik (reverse repo) tujuh hari, daripada 5.00% kepada 4.75% pada bulan Oktober, apabila tekanan inflasi dalam negeri telah reda. Berikutnya, Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utamanya, menunjukkan sikap berhati-hati dalam menangani pasaran kewangan global yang semakin tidak menentu. Reserve Bank of India turut menurunkan kadar dasar utamanya daripada 6.50% kepada 6.25% pada bulan Oktober berikutan kelembapan yang ketara dalam pertumbuhan global. Ini merupakan keputusan pertama yang dibuat oleh jawatankuasa dasar monetari yang baru dilantik, yang mendorong kadar dasar menurun kepada paras paling rendah dalam tempoh lima tahun. Semua bank pusat lain di rantau ini mengekalkan kadar dasar utama masing-masing.

Prospek pertumbuhan global terus diselubungi ketidakpastian

Pada masa hadapan, ekonomi global dijangka bertambah baik namun berada pada landasan pertumbuhan yang sederhana. Meskipun terdapat tanda-tanda pertumbuhan dalam ekonomi utama lebih mampan pada tahun 2017, risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan masih wujud. Hal ini disebabkan oleh turun naik dalam harga komoditi, ketidakpastian dasar dan prospek pertumbuhan dalam ekonomi maju utama, penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan global serta perkembangan geopolitik.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 4.3%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan dan menyumbang kepada pengembangan berterusan dalam permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, perbelanjaan sektor awam merosot dan telah mengimbangi sebahagian daripada pertumbuhan mampan dalam aktiviti sektor swasta. Berikutan itu, pertumbuhan permintaan dalam negeri menjadi sederhana. Dalam sektor luaran, eksport bersih menyumbang secara positif kepada pertumbuhan disebabkan oleh pengembangan eksport benar yang lebih cepat berbanding dengan import benar. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 1.4% (S3 2016: 1.4%).

Permintaan dalam negeri berkembang lebih perlahan

Permintaan dalam negeri berkembang 3.3% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 4.6%), memandangkan pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta yang mampan telah diimbangi sebahagiannya oleh penguncupan dalam perbelanjaan sektor awam. **Penggunaan swasta** meningkat 6.2% (S3 2016: 6.4%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan. **Pelaburan swasta** meningkat 4.9% (S3 2016: 4.7%), berikutan perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Sektor perniagaan masih berhati-hati untuk menambah kapasiti pengeluaran memandangkan terdapat tekanan daripada persekitaran luaran dan dalam negeri.

Pelaburan awam mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 0.3% (S3 2016: -3.8%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan untuk aset tetap oleh syarikat-syarikat awam. **Penggunaan awam** juga menguncup 4.2% pada suku itu (S3 2016: + 2.2%) berikutan perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan,

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)


	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.8	4.0	5.1	4.6	3.3	4.4
Sektor Swasta	70.2	4.9	6.1	6.0	6.0	5.7
Penggunaan	*53.3*	*4.9*	*6.0*	*6.4*	*6.2*	*6.1*
Pelaburan	*16.9*	*4.9*	*6.4*	*4.7*	*4.9*	*4.4*
Sektor Awam	21.6	2.1	2.1	-0.2	-2.6	0.4
Penggunaan	*13.1*	*3.3*	*4.4*	*2.2*	*-4.2*	*1.0*
Pelaburan	*8.5*	*0.4*	*-1.0*	*-3.8*	*-0.3*	*-0.5*
Eksport Bersih	8.1	4.3	-3.8	5.9	5.8	-1.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.0*	*4.0*	*0.6*	*-1.3*	*1.3*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*61.9*	*4.0*	*1.2*	*-2.3*	*0.7*	*0.4*
KDNK[1]	**100.0[1]**	**4.5**	**5.0**	**4.3**	**4.5**	**4.2**
KDNK (Pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.2**	**-**	**1.4**	**1.4**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

khususnya item yang pembeliannya adalah mengikut budi bicara pengguna (discretionary items) seperti perjalanan, serta perkhidmatan profesional dan perundingan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) berkembang pada kadar yang cepat sedikit sebanyak 2.4% (S3 2016: 2.0%), disebabkan oleh pertumbuhan yang bertambah baik dalam pelaburan awam dan swasta. Pertumbuhan yang kukuh sedikit dalam jumlah pelaburan adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan (2.9%; S3 2016: 0.9%) dalam keadaan pengembangan sederhana dalam

PMTK Mengikut Jenis Aset



*Aset lain termasuk carigali mineral, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pelaburan untuk struktur (2.8%; S3 2016: 5.0%), serta penguncupan lebih kecil dalam pelaburan aset jenis lain (-2.1%; S3 2016: -12.5%).

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Dari segi penawaran, pertumbuhan kebanyakan sektor ekonomi utama bertambah baik pada suku keempat.

Sektor perkhidmatan berkembang dengan lebih sederhana sebanyak 5.5% pada suku keempat (S3 2016: 6.1%). Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat lebih perlahan, berikutan pertumbuhan yang bertambah baik dalam segmen perdagangan runcit dan kenderaan bermotor telah diimbangi oleh pertumbuhan lebih rendah dalam subsektor perdagangan borong. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans juga menjadi sederhana, mencerminkan pengembangan lebih perlahan dalam segmen insurans hayat. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang pada kadar yang lebih tinggi kerana mendapat manfaat daripada aktiviti perdagangan dan perjalanan penumpang yang bertambah baik pada suku keempat. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan kekal teguh disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan komunikasi data.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	54.2	5.0	5.1	6.1	5.5	5.6
Perkilangan	23.0	5.0	4.9	4.2	4.8	4.4
Perlombongan	8.8	-1.3	4.7	3.0[d]	4.9	2.7
Pertanian	8.1	1.5	1.2	-6.1[d]	-2.4	-5.1
Pembinaan	4.5	7.4	8.2	7.9	5.1	7.4
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.5**	**5.0**	**4.3**	**4.5**	**4.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.2**	**-**	**1.4**	**1.4**	**-**

[d] Disemak
[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**38.2**	**4.1**	**4.6**	**6.2**	**5.7**	**5.5**
Kewangan & insurans	12.5	-1.5	-0.7	5.0	3.2	2.5
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	8.1	6.1	6.6	7.0	7.2	6.9
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	6.0	5.7	5.2	5.5	5.6
Maklumat & komunikasi	10.9	9.2	9.4	7.6	7.7	8.2
Perkhidmatan Akhir	**61.9**	**5.4**	**5.5**	**6.1**	**5.5**	**5.7**
Perdagangan borong & runcit	27.5	6.4	6.9	6.7	6.2	6.2
Makanan & minuman dan penginapan	5.2	5.8	6.4	7.4	7.7	7.1
Utiliti	4.8	3.2	3.5	5.0	4.5	5.4
Perkhidmatan Kerajaan	16.2	4.7	4.0	5.5	4.1	4.9
Perkhidmatan lain	8.1	4.6	4.7	5.1	5.2	4.8
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**5.0**	**5.1**	**6.1**	**5.5**	**5.6**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	63.8	69.6	73.6	69.8	73.7
Indeks Perdagangan Runcit MIER	77.9	83.4	111.6	91.4	93.5
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	89.8	97.9	112.1	101.4	101.5
	Perubahan tahunan (%)				
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	-3.0	0.9	9.9	11.8[1]	6.0[2]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	3.1	3.1	1.2	0.9	0.9
Jumlah pinjaman terkumpul	7.9	7.9	4.2	5.3	5.3
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	8.2	8.2	3.1	5.5	5.5
Import barangan penggunaan	38.1	24.1	-0.8	0.1	7.4
Jumlah jualan kenderaan bermotor	4.1	0.0	-12.5	-10.8	-13.0
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	5.4	7.9	-4.0	1.5	2.1

[1] Okt-Nov 2016
[2] Jan-Nov 2016

Sumber: Pelbagai sumber

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.8% (S4 2016: 4.2%), didorong oleh industri-industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri. Prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih baik didorong terutamanya oleh peningkatan lebih kukuh dalam segmen E&E, dengan pertumbuhan dua angka dicatat oleh separa konduktor, sejajar dengan permintaan global yang terus meningkat terhadap separa konduktor. Aktiviti perkilangan juga disokong oleh pertumbuhan yang bertambah baik dalam kelompok berkaitan sumber berikutan peningkatan pengeluaran petrokimia ekoran permintaan serantau yang mampan. Pertumbuhan industri berorientasikan pasaran dalam negeri disokong oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti berkaitan pembinaan

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2015 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah Keseluruhan (pada harga malar tahun 2010)	**100.0**	**5.0**	**4.9**	**4.2**	**4.8**	**4.4**
Industri berorientasikan eksport	63.6	5.4	5.6	5.6	6.1	5.8
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	36.4	4.1	3.7	1.7	2.4	1.9
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**4.8**	**4.8**	**4.0**	**4.9**	**4.3**
Industri berorientasikan eksport	**77.6**	**4.7**	**4.8**	**4.1**	**6.0**	**4.7**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**25.0**	**10.7**	**9.2**	**6.2**	**7.4**	**7.0**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	5.7	0.7	8.9	10.6	8.9
Keluaran elektrik	7.6	24.7	32.0	2.2	2.4	4.6
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**52.6**	**1.5**	**2.5**	**2.9**	**5.2**	**3.3**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	1.9	4.6	5.7	7.0	5.2
Keluaran petroleum	21.0	-0.2	1.2	3.1	3.1	3.1
Keluaran getah	2.5	7.0	5.1	2.9	1.4	3.9
Pemprosesan di luar estet	6.4	-1.9	-3.5	-7.2	9.5	-5.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**22.4**	**5.0**	**4.7**	**3.3**	**1.6**	**3.0**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**4.8**	**4.5**	**4.0**	**3.9**	**4.4**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	3.7	4.5	3.3	3.9	4.1
Keluaran logam yang direka	3.1	6.9	4.6	5.2	3.9	5.1
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**11.1**	**5.1**	**4.8**	**2.7**	**-0.5**	**1.7**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	3.7	5.2	-2.0	-4.0	-3.1
Makanan, minuman & keluaran tembakau	5.4	7.4	4.8	8.3	3.8	8.0

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan pengeluaran makanan, meskipun terjejas oleh kelemahan yang berterusan dalam segmen kelengkapan pengangkutan berikutan pengeluaran kereta yang terus menguncup.

Sektor pembinaan berkembang 5.1% pada suku keempat (S3 2016: 7.9%), didorong terutamanya oleh aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam berikutan pelaksanaan pelbagai projek dalam segmen petrokimia, pengangkutan dan utiliti. Walaupun masih dipengaruhi isu lebihan bekalan dalam segmen komersial, pertumbuhan subsektor bukan kediaman bertambah baik sedikit kerana mendapat manfaat daripada faktor asas tahunan yang rendah pada tahun sebelumnya. Aktiviti dalam subsektor kediaman menjadi sederhana, mencerminkan pasaran harta tanah yang lembab manakala pertumbuhan dalam subsektor perdagangan khas disokong oleh aktiviti kerja peringkat awal dan akhir.

Sektor pertanian menguncup pada kadar yang lebih kecil (-2.4%; S3 2016[r]: -6.1%), disokong oleh kadar hasil minyak sawit mentah yang bertambah baik memandangkan kesan negatif El Nino semakin luput. Yang ketara, kadar hasil buah tandan segar pada bulan Disember mencatat pertumbuhan positif buat kali pertama pada tahun 2016, dengan peningkatan 1.5% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Pertumbuhan **sektor perlombongan** lebih baik (4.9%; S3 2016[r]: 3.0%), disebabkan terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi, khususnya peningkatan pengeluaran di Sarawak dan Sabah.

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100.0**	**1.5**	**1.2**	**-6.1[d]**	**-2.4**	**-5.1**
Tanaman Industri	**57.3**	**1.7**	**0.7**	**-12.3[d]**	**-5.4**	**-10.8**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	43.1	1.2	1.3	-13.8	-7.2	-12.7
Getah	7.1	26.9	8.1	-8.1[d]	1.1	-6.3
Tanaman Makanan	**42.7**	**1.2**	**2.0**	**3.9**	**2.6**	**3.6**
Antaranya:						
Perikanan	11.5	2.4	0.6	3.2	1.1	2.2
Ternakan	11.7	0.4	2.4	4.2	0.8	3.7

[d] Disemak

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**-1.3**	**4.7**	**3.0[d]**	**4.9**	**2.7**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	0.2	10.1	6.3[d]	0.2	1.6
Gas asli	-5.0	-1.8	-1.1[d]	10.1	3.3
Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan	14.4	13.7	6.9[d]	5.7	6.9

[d] Disemak

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan	100.0	11.2	12.1	10.7	8.1	10.3
Bangunan kediaman	26.1	8.7	10.9	16.4	9.8	11.7
Bangunan bukan kediaman	26.3	3.6	13.9	-1.4	2.5	1.7
Kejuruteraan awam	29.0	23.3	11.9	19.3	12.5	18.4
Pertukangan khas[1]	18.5	4.4	8.0	4.2	3.7	9.6
Kelulusan perumahan		-18.5	-25.3	26.6	-18.5	-17.7
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan		4.8	4.5	4.0	3.9	4.4
Simen hidraulik		11.9	14.7	-8.3	-6.3	-7.6
Produk porselin dan seramik lain		12.2	20.0	10.7	-0.8	4.4
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan		21.1	-2.2	26.2	6.8	18.3
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)		2.7	4.3	0.1	4.9	0.3
Pinjaman untuk sektor pembinaan						
Kelulusan		-5.5	3.8	34.4	2.9	5.1
Pengeluaran		-13.4	-0.6	7.7	4.5	3.5

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Inflasi keseluruhan lebih tinggi pada suku keempat 2016

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.7% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 1.3%). Inflasi yang lebih tinggi ini didorong terutamanya oleh pelarasan menaik terhadap harga bahan api dalam negeri pada suku itu. Harga purata petrol RON95, petrol RON97 dan diesel masing-masing naik sebanyak 15 sen, 15 sen dan 17 sen. Ini telah menyebabkan inflasi negatif yang lebih kecil dalam kategori *pengangkutan* (-2.6%; S3 2016: -7.4%). Kesan peningkatan inflasi telah dikurangkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* (6.6%; S3 2016: 19.7%) disebabkan oleh luputnya kesan kenaikan harga rokok dalam tempoh asas S4 2015. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 2.1% (2015: 2.1%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) kembali meningkat sebanyak 2.9% (S3 2016: -0.6%) pada suku keempat 2016. Peningkatan indeks ini disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga *bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya* dan *bahan perantaraan, bekalan dan komponen,* mencerminkan kenaikan harga bahan berkaitan minyak sawit mentah dan harga minyak dunia pada suku itu. Harga minyak sawit mentah naik dengan ketara pada suku itu disebabkan kemerosotan bermusim dalam pengeluaran dan paras inventori yang rendah. Harga minyak dunia juga lebih tinggi berikutan persetujuan OPEC untuk mengurangkan pengeluaran.

Pasaran Pekerja Lebih Perlahan

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil. Walaupun jumlah guna tenaga meningkat pada suku itu dan mencatat pertambahan bersih yang lebih tinggi sebanyak 58,600 pekerjaan (S3 2016: 40,500 pekerjaan), kadar pengangguran tidak berubah pada 3.5% daripada guna tenaga (S3 2016: 3.5%). Pertambahan pekerjaan pada suku keempat disumbangkan terutamanya oleh sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perdagangan borong dan runcit, dan penginapan dan perkhidmatan makanan; serta subsektor kewangan dan insurans. Penyertaan tenaga kerja kekal pada 67.6% daripada jumlah penduduk umur bekerja (S3 2016: 67.6%), manakala pekerjaan baharu yang diiklankan di JobStreet.com menjadi sederhana kepada purata 17,738 jawatan setiap bulan pada suku keempat (S3 2016: 20,229 jawatan). Ini berikutan sentimen pengambilan pekerja yang masih konservatif oleh sektor perniagaan.

Pertumbuhan upah sektor swasta mampan, disokong oleh kenaikan dalam gaji minimum yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2016. Dalam subsektor perkhidmatan utama[1], pertumbuhan upah adalah lebih tinggi pada

Indeks Harga Pengguna


Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S3 2016	S4 2016
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100**	**1.3**	**1.7**
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.2	3.4	3.3
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.2	2.1
Pengangkutan	13.7	-7.4	-2.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.9	19.7	6.6
Lain-lain	29.4	1.1	1.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Sektor perkhidmatan utama terdiri daripada perdagangan borong dan runcit, dan makanan dan minuman, penginapan; maklumat dan komunikasi, pengangkutan dan penyimpanan; kesihatan, pendidikan dan kesenian, hiburan dan rekreasi; dan subsektor perkhidmatan profesional dan harta tanah.

3.3% (S3 2016: 3.1%). Upah dalam sektor perkilangan terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 5.9% (S3 2016: 6.9%), disokong oleh sektor berorientasikan eksport, khususnya petrokimia dan kelompok berkaitan sumber. Dalam sektor awam, pertumbuhan upah agregat kekal kukuh pada suku keempat, berikutan pelarasan gaji kakitangan awam pada bulan Julai 2016 (7.1%; S3 2016: 11.7%).

Penunjuk Pasaran Pekerja*



*Data Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi S1 2014 dan seterusnya mencerminkan anggaran penduduk semasa baharu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

[a] Awalan [s] Semakan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kedudukan sektor luaran kekal berdaya tahan pada suku keempat

Pada suku keempat 2016, lebihan akaun semasa meningkat disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih tinggi dan defisit lebih kecil dalam akaun pendapatan.

Eksport kasar berubah arah untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 2.8% pada suku keempat 2016 (S3 2016: -2.3%). Pertumbuhan ini disokong oleh eksport perkilangan yang meningkat dan eksport komoditi yang bertambah baik. Import kasar juga mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5% (S3 2016: -0.1%). Pertumbuhan yang lebih cepat ini disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam semua kategori import, kecuali import barangan modal. Oleh itu, lebihan perdagangan meningkat kepada RM27.5 bilion (S3 2016: RM18.0 bilion). Bagi keseluruhan tahun 2016, eksport dan import masing-masing mencatat pertumbuhan sebanyak 1.1% dan

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**8.0**	**1.6**	**-2.3**	**2.8**	**1.1**
Perkilangan	82.2	12.5	6.5	-1.1	3.4	3.2
E&E	*36.6*	*9.6*	*8.5*	*-0.6*	*7.6*	*3.5*
Bukan E&E	*45.5*	*14.9*	*5.0*	*-1.6*	*0.1*	*3.0*
Berasaskan sumber	*22.9*	*2.7*	*-3.9*	*-0.5*	*5.6*	*3.3*
Bukan berasaskan sumber	*22.7*	*29.5*	*15.7*	*-2.7*	*-5.2*	*2.7*
Komoditi	17.1	-7.7	-14.9	-8.2	-0.9	-8.6
Mineral	*8.2*	*-15.1*	*-22.9*	*-17.7*	*-12.8*	*-19.8*
Pertanian	*9.0*	*3.8*	*-2.8*	*1.2*	*14.1*	*4.7*
Import Kasar	**100.0**	**3.4**	**0.4**	**-0.1**	**5.0**	**1.9**
Barangan pengantara	57.1	-1.7	-2.1	-0.3	3.8	-0.1
Barangan modal	14.3	0.2	-0.3	15.7	6.5	4.9
Barangan penggunaan	9.6	38.1	24.1	-0.8	0.1	7.4
Lain-lain (termasuk eksport semula dan barangan dua kegunaan)	18.9	8.9	-0.2	-9.5	10.4	3.2
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**30.6**	**91.6**	**18.0**	**27.5**	**87.3**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran[1]

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**10.5**	**34.7**	**6.0**	**12.2**	**25.2**
(% daripada PNK)	*3.6*	*3.1*	*2.0*	*3.8*	*2.1*
Barangan	31.1	109.6	26.5	31.4	101.2
Perkhidmatan	-6.4	-21.0	-5.1	-6.0	-22.6
Pendapatan primer	-9.1	-32.0	-10.8	-9.0	-34.7
Pendapatan sekunder	-5.0	-21.9	-4.6	-4.1	-18.7
Akaun Kewangan	**3.9**	**-50.9**	**-6.3**	**-13.2**	**-4.2**
Pelaburan langsung	5.8	4.8	3.0	5.9	17.9
Aset	*-2.9*	*-37.2*	*-11.3*	*-7.9*	*-34.3*
Liabiliti	*8.6*	*41.9*	*14.3*	*13.8*	*52.2*
Pelaburan portfolio	15.9	-28.2	-10.6	-22.3	-19.7
Aset	*5.6*	*-9.1*	*-7.1*	*2.8*	*-15.0*
Liabiliti	*10.3*	*-19.1*	*-3.5*	*-25.1*	*-4.7*
Derivatif kewangan	-0.1	-0.7	-0.1	-1.2	-0.8
Pelaburan lain	-17.6	-26.8	1.4	4.4	-1.7
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-20.4	21.1	14.9	20.1	-6.0
Imbangan Keseluruhan	**-6.0**	**3.8**	**14.6**	**19.2**	**15.0**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

1.9% (2015: masing-masing 1.6% dan 0.4%), sekali gus menyumbang kepada lebihan perdagangan terkumpul sebanyak RM87.3 bilion (2015: RM91.6 bilion).

Eksport barangan perkilangan berubah arah kepada positif pada suku keempat, disebabkan terutamanya oleh peningkatan eksport peranti separa konduktor. Peningkatan eksport E&E lebih daripada mengimbangi penurunan eksport keluaran bukan berasaskan sumber seperti keluaran logam dan jentera, perkakas dan komponen elektrik. Eksport komoditi terus meningkat, disokong oleh kenaikan harga yang menyeluruh.

Dari segi destinasi, eksport ke negara rakan perdagangan utama, terutamanya R.R. China dan Hong Kong SAR, berubah secara mendadak untuk mencatat pertumbuhan positif disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap E&E dan eksport pertanian yang lebih tinggi. Eksport ke EU juga meningkat, sebahagian besarnya disokong oleh eksport E&E yang lebih tinggi dan eksport komoditi. Pertumbuhan eksport ke Jepun terus merosot, manakala eksport ke AS menjadi sederhana, masing-masing mencerminkan eksport gas asli cecair (LNG) dan barangan perkilangan yang lebih rendah.

Import kasar berkembang 5% pada suku keempat (S3 2016: -0.1%), disokong oleh pertumbuhan import barangan pengantara dan barangan penggunaan. Import barangan pengantara kembali pulih disebabkan terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi untuk bahan api dan minyak pelincir, serta bekalan perindustrian, sejajar dengan harga komoditi dan pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih tinggi. Peningkatan import barangan penggunaan terutamanya makanan dan minuman, barangan tahan lama dan tidak tahan lama, juga menyokong pertumbuhan import kasar. Peningkatan barangan import untuk dieksport semula mencerminkan permintaan global yang bertambah baik serta aktiviti perdagangan yang meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhan import barangan modal menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh pengurangan import kelengkapan telekomunikasi dan bekas logam.

Akaun **perkhidmatan** mencatat defisit lebih besar sebanyak RM6.0 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: defisit sebanyak RM5.1 bilion). Defisit ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran pengangkutan bersih yang lebih tinggi didorongi keadaan aktiviti perdagangan yang lebih baik dan pembayaran bersih yang lebih tinggi untuk perkhidmatan lain, terutamanya untuk pembinaan; dan caj penggunaan untuk harta intelek. Di samping itu, penerimaan bersih yang lebih rendah daripada perkhidmatan perjalanan ekoran peningkatan bilangan pelancong ke luar negeri telah menyebabkan akaun perkhidmatan terus dalam defisit.

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Kesatuan Eropah (EU)	**10.2**	**12.9**	**8.4**	**-3.5**	**1.0**	**1.2**
Jepun	**8.1**	**-6.9**	**-12.0**	**-13.0**	**-13.2**	**-12.9**
Amerika Syarikat	**10.2**	**18.4**	**14.4**	**4.8**	**2.3**	**8.9**
ASEAN[1]	**29.4**	**8.5**	**2.7**	**3.3**	**6.1**	**5.4**
Timur Laut Asia	**22.9**	**6.9**	**2.3**	**-7.7**	**5.6**	**-3.2**
Republik Rakyat China	*12.5*	*10.9*	*10.0*	*-8.3*	*12.3*	*-2.9*
Hong Kong SAR	*4.8*	*1.0*	*-0.5*	*-1.4*	*10.4*	*2.1*
Korea	*2.9*	*-9.8*	*-11.7*	*-16.2*	*-7.8*	*-7.6*
China Taipei	*2.7*	*22.6*	*-6.5*	*-6.1*	*-13.5*	*-8.0*
Asia Barat[2]	**2.9**	**-3.3**	**-4.1**	**-9.4**	**11.8**	**3.1**
India	**4.1**	**7.8**	**-0.7**	**1.4**	**1.1**	**1.1**
Jumlah eksport	**100.0**	**8.0**	**1.6**	**-2.3**	**2.8**	**1.1**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit akaun **pendapatan primer** mengecil kepada RM9.0 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: defisit sebanyak RM10.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan langsung lebih tinggi yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dalam sektor perlombongan berikutan kenaikan harga komoditi. Pendapatan yang terakru kepada pelabur langsung asing secara amnya tidak berubah, terutamanya dalam sektor perkilangan. Pembayaran bersih dalam akaun **pendapatan sekunder** lebih rendah sebanyak RM4.1 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: pembayaran bersih sebanyak RM4.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh kiriman wang ke dalam negeri yang lebih tinggi.

Pada suku keempat 2016, **akaun kewangan** mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM13.2 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM6.3 bilion), apabila aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam akaun pelaburan portfolio lebih daripada mengimbangi peningkatan aliran masuk bersih dalam akaun pelaburan langsung dan juga akaun pelaburan lain.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang ketara sebanyak RM22.3 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM 10.6 bilion). Pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM25.1 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM3.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh pengurangan pemegangan asing Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) serta pelupusan sekuriti ekuiti yang lebih tinggi. Sepanjang suku itu, pasaran kewangan global mengalami ketidaktentuan yang lebih ketara apabila sentimen pelabur terjejas oleh keputusan pilihan raya presiden AS, serta jangkaan bahawa Federal Reserve mengembalikan semula dasar monetari kepada keadaan wajar dengan lebih cepat. Pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM2.8 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM7.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh kematangan sekuriti hutang mata wang asing yang dipegang oleh institusi kewangan domestik, yang lebih daripada mengimbangi pembelian berterusan sekuriti ekuiti asing.

Akaun pelaburan langsung mencatat aliran masuk bersih lebih tinggi sebanyak RM5.9 bilion (S3 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM3.0 bilion), apabila penanggungan liabiliti pelaburan langsung lebih tinggi berbanding dengan pengumpulan aset pelaburan langsung yang makin sederhana.

Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM13.8 bilion (S3 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM14.3 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Asing** (Foreign Direct Investment, FDI) meningkat kepada RM10.8 bilion (S3 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM6.5 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti yang lebih tinggi dan pemberian bersih pinjaman oleh syarikat induk kepada anak syarikat mereka di Malaysia. Aliran masuk FDI sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perkilangan, terutamanya industri E&E, dan industri petrokimia. FDI turut disalurkan kepada sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM7.9 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM11.3 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Luar Negeri** (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM4.9 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM3.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh perolehan daripada pelaburan semula yang lebih tinggi dan suntikan modal ekuiti yang berterusan kepada anak syarikat di luar negeri. Sejumlah besar daripada DIA disalurkan kepada syarikat dalam sektor perlombongan, diikuti oleh sektor perkhidmatan, terutamanya subsektor telekomunikasi dan subsektor perdagangan borong dan runcit.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM4.4 bilion (S3 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM1.4 bilion), yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penempatan bersih deposit antara bank

oleh institusi kewangan asing dalam sistem perbankan domestik serta pembayaran balik kredit perdagangan yang diberikan sebelum itu oleh pengeksport Malaysia.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM19.2 bilion pada suku keempat (S3 2016: lebihan sebanyak RM 14.6 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (errors and omissions, E&O) berjumlah RM20.1 bilion atau 4.9% daripada jumlah perdagangan, kebanyakannya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa ekoran pengukuhan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia meningkat sebanyak RM43.4 bilion atau 5.0% kepada RM908.7 bilion, bersamaan dengan USD200.6 bilion atau 73.9% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2016 (akhir bulan September 2016: RM865.3 bilion atau USD206.6 bilion, bersamaan dengan 70.4% daripada KDNK). Sebahagian besar peningkatan ini disebabkan oleh kesan penilaian berikutan penyusutan nilai ringgit berbanding dengan kebanyakan mata wang pada suku tersebut. Kira-kira 82% daripada perubahan penilaian pertukaran asing dicatat dalam peminjaman luar pesisir. Walau bagaimanapun, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 42.7% daripada KDNK pada akhir bulan Disember berbanding dengan 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) pada tahun 1997-98. Kerajaan Persekutuan juga hanya mencakupi 4.0% daripada jumlah peminjaman luar pesisir pada akhir bulan Disember 2016.

Dari segi agregat, kesan turun naik pertukaran asing sebahagian besarnya dapat dibendung, memandangkan satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit. Baki dalam denominasi mata wang asing sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara biasa melalui perolehan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan.

Kedudukan hutang luar negeri Malaysia, jika tidak dimasukkan kesan penilaian, hanya akan mencatat sedikit peningkatan sebanyak 0.7% berbanding dengan suku sebelumnya. Peningkatan ini mencerminkan pertambahan bersih peminjaman antara bank dan pinjaman antara syarikat, di samping penempatan deposit yang tinggi sedikit dalam sistem perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Ini sebahagiannya diimbangi oleh pelupusan sebahagian daripada sekuriti hutang domestik yang dipegang oleh bukan pemastautin, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues).

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, dengan lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri terkumpul (58.6%) terdiri daripada hutang jangka sederhana dan jangka panjang. Hutang luar negeri jangka pendek meningkat sedikit untuk mencakupi 41.4% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan September 2016: 38.6%) pada suku tersebut. Rizab antarabangsa memadai untuk membiayai kira-kira 1.1 kali hutang luar

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2015	2016	
	akhir-Dis	akhir-Sept	akhir-Dis
	RM bilion		
Peminjaman luar pesisir[1]	463.6	472.1	524.3
Bersamaan dengan USD bilion	*106.9*	*112.7*	*115.8*
Jangka sederhana dan panjang	*285.9*	*295.8*	*316.4*
Sektor awam	128.3	120.4	130.6
Sektor swasta	157.6	175.4	185.9
Jangka pendek	*177.7*	*176.3*	*207.9*
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	211.3	237.1	214.2
Jangka sederhana dan panjang	*184.1*	*223.5*	*203.3*
Jangka pendek	*27.2*	*13.6*	*10.9*
Deposit bukan pemastautin	81.6	82.6	86.2
Lain-lain[2]	77.2	73.5	84.0
Jangka sederhana dan panjang	*11.9*	*11.8*	*12.4*
Jangka pendek	*65.3*	*61.7*	*71.6*
Jumlah hutang luar negeri	**833.8**	**865.3**	**908.7**
Bersamaan dengan USD bilion	*192.3*	*206.6*	*200.6*
Jumlah hutang/KDNK (%)	72.1	70.4	73.9
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	42.2	38.6	41.4
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.2	1.2	1.1[4]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan jangka pendek dan lain-lain.
[4] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Januari 2017.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

negeri jangka pendek. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek terdiri daripada hutang oleh sektor perbankan, yang bukan kesemuanya memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa kerana hutang ini sebahagiannya ditampung oleh aset luaran bank yang sepadan. Sebahagian besar daripada baki hutang luar negeri jangka pendek terdiri daripada kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat. Kredit perdagangan sebahagian besarnya ditampung oleh perolehan eksport, manakala pinjaman antara syarikat secara amnya berdasarkan terma yang fleksibel dan lebih mudah, misalnya tanpa jadual pembayaran balik yang tetap dan kadar faedah sifar atau rendah.


Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa

Pada 31 Januari 2017, kedudukan rizab berjumlah USD95.0 bilion (bersamaan dengan RM426.0 bilion). Paras rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras rizab memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi berbanding dengan nilai ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga memadai untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.1 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Defisit fiskal lebih rendah pada 3.1% daripada KDNK pada tahun 2016


Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal pada 1.3% daripada KDNK (S3 2016: -0.6% daripada KDNK), disebabkan kutipan hasil yang lebih tinggi dan jumlah perbelanjaan yang berkurang. Hasil meningkat 6.8% pada asas tahunan (S3 2016: 0.1%) didorong oleh kutipan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang lebih tinggi. Perbelanjaan mengurus menyusut 13.0% pada asas tahunan (S3 2016: -3.0%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, dan subsidi yang berkurang. Perbelanjaan pembangunan turut menyusut pada asas tahunan. Sejumlah

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

besar daripada perbelanjaan pada suku keempat disalurkan terutamanya kepada sektor kesihatan, dan pertanian dan pembangunan luar bandar. Bagi keseluruhan tahun 2016, Kerajaan Persekutuan mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 3.1% daripada KDNK (2015: 3.2% daripada KDNK). Pada akhir tahun 2016, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan berjumlah RM648.5 bilion atau 52.7% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2015		2016[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	56.0	219.1	56.3	59.8	212.4
% pertumbuhan tahunan	*-6.0*	*-0.7*	*0.1*	*6.8*	*-3.0*
Perbelanjaan mengurus	57.5	217.0	50.7	50.0	210.2
% pertumbuhan tahunan	*-3.8*	*-1.2*	*-3.0*	*-13.0*	*-3.1*
Akaun semasa	**-1.4**	**2.1**	**5.6**	**9.8**	**2.2**
% daripada KDNK	***-0.5***	***0.2***	***1.8***	***3.0***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	15.5	39.3	7.4	13.9	40.9
% pertumbuhan tahunan	*-5.7*	*2.2*	*-15.1*	*-9.8*	*4.2*
Imbangan keseluruhan	**-16.9**	**-37.2**	**-1.8**	**-4.1**	**-38.7**
% daripada KDNK	***-5.6***	***-3.2***	***-0.6***	***-1.3***	***-3.1***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	72.9	256.3	58.1	64.0	251.1
% pertumbuhan tahunan	*-4.2*	*-0.7*	*-4.7*	*-12.3*	*-2.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan[1]					
(pada akhir tempoh)	630.5	630.5	643.6	648.5	648.5
% daripada KDNK	*54.5*	*54.5*	*52.4*	*52.7*	*52.7*
Hutang dalam negeri	433.1	433.1	411.4	435.6	435.6
% daripada KDNK	*37.4*	*37.4*	*33.5*	*35.4*	*35.4*
Hutang luar negeri	197.4	197.4	232.2	212.9	212.9
% daripada KDNK	*17.1*	*17.1*	*18.9*	*17.3*	*17.3*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*176.0*	*176.0*	*211.8*	*191.8*	*191.8*
% daripada KDNK	*15.2*	*15.2*	*17.2*	*15.6*	*15.6*
Peminjaman luar pesisir	*21.5*	*21.5*	*20.4*	*21.1*	*21.1*
% daripada KDNK	*1.9*	*1.9*	*1.7*	*1.7*	*1.7*

[a] Awalan
[1] Sebahagian daripada hutang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM21.9 bilion (1.8% daripada anggaran KDNK untuk tahun 2016) telah dipindahkan kepada badan berkanun yang baru untuk pinjaman perumahan penjawat awam (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, LPPSA) mulai tahun 2016

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada suku keempat 2016. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Sebagai mencerminkan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman secara relatif stabil pada suku itu dalam julat 2.90% hingga 3.00%. Kadar antara bank untuk tempoh matang satu bulan dan kurang juga secara relatif stabil. Kadar antara bank 3 bulan, meskipun secara relatif stabil, meningkat sebanyak empat mata asas sejak akhir bulan September hingga akhir bulan Disember berikutan persaingan untuk pendanaan yang stabil dalam keadaan aliran keluar dana bersih. Mencerminkan kadar antara bank yang stabil, Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR) 3 bulan stabil pada suku tersebut dan hanya meningkat sebanyak satu mata asas kepada 3.41%.


Seiring dengan perkembangan tersebut, kadar pinjaman runcit stabil pada suku keempat. Kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan tidak berubah pada 3.61%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul juga secara relatif stabil, menurun sebanyak lima mata asas sejak akhir bulan September hingga akhir bulan Disember[2]. Secara purata, kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) kekal tidak berubah bagi tempoh matang 1 tahun dan kurang.

Kadar Faedah

	2015	2016	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.05	2.99	3.00
1 bulan	3.45	3.08	3.10
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.79	6.65	6.65
Kadar asas (BR) purata berwajaran			
Bank perdagangan	3.77	3.61	3.61
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.40	5.27	5.21
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	3.08	2.87	2.86
12 bulan	3.31	3.07	3.06


Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia


Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia


[2] Sebagai perbandingan, ALR berwajaran menurun sebanyak 16 mata asas pada suku ketiga.

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia


M3 berkembang pada suku keempat

Wang secara kecil atau M1 berkurang sebanyak RM22.6 bilion pada suku keempat. Pada asas tahunan, M1 mencatat pertumbuhan 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 0.1%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM25.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 3% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 2.2%).

Peningkatan M3 pada suku itu didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus meningkat kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh pengaruh lain, mencerminkan kesan penilaian semula pertukaran asing dan pertumbuhan Akaun Pelaburan Islam yang berterusan.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif kekal stabil pada suku keempat.


Agregat Monetari



Nota: Mulai bulan Julai 2015, penyusunan M3 diselaraskan untuk tidak mengambil kira Akaun Pelaburan Islam (Islamic Investment Account, IA) disebabkan oleh pengelasan semula data. Ini dicerminkan sebagai sumbangan negatif melalui *pengaruh lain*. Garis titik mewakili pertumbuhan M3 sekiranya pengelasan semula ini tidak dilaksanakan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**12.1**	**40.8**	**6.4**	**25.0**	**47.9**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	5.1	-8.9	2.0	18.9	18.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	31.6	120.3	23.5	31.6	88.7
Pinjaman	*25.7*	*106.1*	*18.7*	*37.2*	*83.5*
Sekuriti	*5.9*	*14.1*	*4.8*	*-5.6*	*5.2*
Aset asing bersih[1]	-0.2	22.0	1.3	10.1	-5.8
BNM	*-5.7*	*1.0*	*14.4*	*18.8*	*14.9*
Sistem Perbankan	*5.5*	*21.0*	*-13.1*	*-8.8*	*-20.7*
Pengaruh lain	-24.4	-92.6	-20.4	-35.5	-53.1

[1] Selepas penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan


Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat 2016, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran modal berjumlah RM316.2 bilion (S3 2016: RM293.8 bilion). Pada asas bersih, pertumbuhan pinjaman sistem perbankan, IKP dan terbitan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 5.5% pada suku keempat (S3 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pertumbuhan bon korporat terkumpul bersih yang sederhana dalam keadaan pertumbuhan pemberian pinjaman yang lebih tinggi oleh sistem perbankan dan IKP pada suku itu. Pertumbuhan bon korporat terkumpul yang sederhana disebabkan terutamanya oleh asas lebih tinggi pada bulan Disember 2015 kerana terdapat terbitan besar sekali sahaja oleh beberapa syarikat.


Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM21.8 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM7.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul yang diberikan oleh sistem perbankan dan IKP juga meningkat dengan nyata sebanyak 4.8% (S3 2016: 2%). Selain itu, jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan meningkat pada suku itu dengan paras pinjaman lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *kewangan, insurans, dan perkhidmatan perniagaan; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi* dan *harta tanah*. Pembiayaan yang diberikan

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman kepada PKS



[1] Sistem perbankan sahaja
[2] Sistem perbankan dan IKP

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2015		2016			2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan kasar	**342.0**	**1,224.8**	**293.8**	**316.2**	**1,193.7**	**7.3**	**1.3**	**-0.9**	**-7.5**	**-2.5**
Pengeluaran pinjaman	293.9	1,123.4	263.6	296.2	1,102.3	-0.9	1.5	-6.6	0.8	-1.9
Bon korporat (BK) kasar[1]	40.6	83.5	27.0	19.2	84.3	91.4	1.2	128.0	-52.5	1.0
Ekuiti	7.5	17.9	3.2	0.8	7.1	681.5	-6.5	28.0	-89.5	-60.4
Jumlah pembiayaan bersih	**55.2**	**159.9**	**39.9**	**37.7**	**114.0**	**8.4**	**8.4**	**6.5**	**5.5**	**5.5**
Pinjaman terkumpul (Sistem perbankan* dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP))	23.0	112.6	21.9	40.4	84.1	7.7	7.7	4.3	5.3	5.3
BK terkumpul	32.2	47.4	17.9	-2.7	29.9	10.7	10.7	14.2	6.1	6.1
Memorandum										
BK kasar[2]	40.6	85.6	27.6	19.2	85.3	87.9	0.2	109.8	-52.5	-0.4

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2015		2016			2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	215.6	827.2	204.0	198.6	802.8	2.6	0.6	-9.3	-7.9	-3.0
Kelulusan pinjaman[1]	100.2	393.2	87.6	93.1	346.9	-5.8	-2.0	-9.2	-7.1	-11.8
Pengeluaran pinjaman[2]	293.9	1,123.4	263.6	296.2	1,102.3	-0.9	1.5	-6.6	0.8	-1.9
Bayaran balik pinjaman[2]	276.6	1,060.2	257.9	279.2	1,078.4	3.4	3.1	-2.6	0.9	1.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*[,2]	23.0	112.6	21.9	40.4	84.1	7.7	7.7	4.3	5.3	5.3
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	107.6	396.8	93.9	92.4	376.8	7.2	2.7	-16.9	-14.1	-5.0
Kelulusan pinjaman	49.0	179.9	40.0	46.4	165.9	6.2	12.4	-9.1	-5.3	-7.8
Pengeluaran pinjaman	212.1	804.8	187.1	217.8	796.0	-1.2	2.2	-8.9	2.7	-1.1
Bayaran balik pinjaman	205.7	777.9	185.2	206.7	786.2	4.4	3.5	-5.1	0.4	1.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.4	41.9	7.8	21.8	28.0	7.7	7.7	2.0	4.8	4.8
PKS										
Permohonan pinjaman	41.6	186.2	48.3	46.4	182.7	-8.6	3.0	-5.9	11.5	-1.9
Kelulusan pinjaman	14.9	64.8	17.1	19.1	66.9	-5.6	1.6	-0.9	28.0	3.1
Pengeluaran pinjaman	69.9	273.3	66.7	72.1	267.6	9.6	14.4	-4.9	3.2	-2.1
Bayaran balik pinjaman	67.6	258.2	67.4	69.2	265.9	14.8	13.7	0.6	2.5	3.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.9	35.0	4.9	8.6	24.6	14.6	14.6	8.2	9.0	9.0
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	66.0	210.6	45.5	46.1	194.1	20.3	2.5	-26.0	-30.2	-7.8
Kelulusan pinjaman	34.1	115.0	22.9	27.3	99.1	12.3	19.6	-14.4	-19.8	-13.9
Pengeluaran pinjaman	142.2	531.5	120.4	145.7	528.4	-5.7	-3.1	-10.9	2.4	-0.6
Bayaran balik pinjaman	138.2	519.7	117.8	137.4	520.3	0.0	-0.9	-8.1	-0.5	0.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-0.5	7.0	2.9	13.2	3.4	2.3	2.3	-3.3	1.1	1.1
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	108.0	430.4	110.1	106.2	426.0	-1.5	-1.3	-1.6	-1.7	-1.0
Kelulusan pinjaman	51.2	213.4	47.6	46.7	181.0	-15.0	-11.6	-9.3	-8.9	-15.2
Pengeluaran pinjaman	81.8	318.6	76.5	78.3	306.4	-0.3	-0.4	-0.5	-4.2	-3.8
Bayaran balik pinjaman	70.8	282.3	72.7	72.5	292.2	0.6	1.9	4.4	2.4	3.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	18.4	63.8	12.1	16.1	49.2	7.6	7.6	5.8	5.5	5.5

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh
[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran, bayaran balik dan perubahan dalam pinjaman terkumpul bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor (Sistem Perbankan dan IKP)

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 2015	Tahun	S3 2016	S4 2016	Tahun		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**212.1**	**804.8**	**187.1**	**217.8**	**796.0**	**72.2**	**42.9**
Bukan PKS[1]	*142.2*	*531.5*	*120.4*	*145.7*	*528.4*	*47.9*	*25.0*
*PKS**	*69.9*	*273.3*	*66.7*	*72.1*	*267.6*	*24.3*	*18.0*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	11.4	43.6	12.4	12.0	48.8	4.4	2.7
Perlombongan dan kuari	6.2	21.3	2.2	2.3	8.4	0.8	0.8
Perkilangan	54.4	212.5	51.9	54.4	206.2	18.7	6.4
Pembinaan	17.1	66.7	17.5	18.5	69.8	6.3	4.6
Harta tanah	13.3	53.4	13.4	16.2	56.9	5.2	6.6
Bekalan elektrik, gas dan air	2.8	9.8	2.0	2.3	9.3	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	54.0	203.6	50.7	53.2	204.2	18.5	7.0
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	4.4	23.7	5.6	10.3	29.8	2.7	2.7
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	32.0	105.1	21.7	34.0	111.0	10.1	3.3
Isi rumah	**81.8**	**318.6**	**76.5**	**78.3**	**306.4**	**27.8**	**57.1**
Pembelian harta kediaman	21.9	85.3	18.8	20.1	78.9	7.2	27.7
Kredit penggunaan	49.8	189.6	48.7	48.8	190.2	17.3	19.4
Antaranya:							
Kad kredit	*27.5*	*103.7*	*27.2*	*28.3*	*108.0*	*9.8*	*2.2*
Pembelian kereta penumpang	*10.2*	*41.0*	*9.2*	*9.1*	*35.6*	*3.2*	*8.8*
Lain-lain	10.1	43.7	9.0	9.5	37.3	3.4	10.0
Jumlah	**293.9**	**1,123.4**	**263.6**	**296.2**	**1,102.3**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

kepada PKS juga kekal tinggi dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat 9% pada asas tahunan pada S4 2016 (S3 2016: 8.2%).

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM12.1 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul yang diberikan oleh sektor perbankan dan IKP menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 5.8%), mencerminkan terutamanya berkurangnya pinjaman untuk *pembelian kereta penumpang* dan *harta kediaman*. Peminjam yang berupaya membayar balik hutang terus mendapat akses kepada pembiayaan pada suku itu.

Pembiayaan bersih daripada pasaran modal lebih rendah

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menurun kepada RM2.1 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM13.5 bilion). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh dana bersih lebih rendah yang diperoleh sektor swasta.

Dalam sektor swasta, terbitan bon korporat kasar adalah lebih rendah sebanyak RM19.2 bilion (S3 2016: RM27.6 bilion) dalam keadaan ketidaktentuan dan turun naik pasaran yang lebih nyata pada suku keempat. Di samping itu, penebusan yang besar sebanyak RM22.1 bilion (S3 2016: RM10.0 bilion) mengimbangi terbitan lantas menghasilkan penebusan bersih sebanyak RM2.8 bilion pada suku keempat (dana bersih yang diperoleh pada S3 2016: RM17.5 bilion) Dana yang diperoleh dalam pasaran bon swasta kebanyakannya daripada Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan dan digunakan terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh lebih tinggi sebanyak RM4.1 bilion pada suku keempat (dana bersih yang diperoleh pada S3 2016: -RM7.2 bilion). Dana telah diperoleh melalui terbitan baharu Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 3 tahun serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun dan 20 tahun, serta GII 7 tahun, 10 tahun dan 20 tahun. Penebusan hutang Kerajaan lebih rendah pada RM11 bilion (S3 2016: RM28 bilion) pada suku keempat lantas menyumbang kepada peningkatan dana bersih yang diperoleh sektor awam.


Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**13.5**	**46.8**	**(7.2)**	**4.1**	**39.2**
Sekuriti Kerajaan, Kasar	21.7	100.4	20.8	15.1	87.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia	10.9	51.3	11.9	3.9	44.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	10.9	41.1	8.9	11.2	43.2
Sukuk Perumahan Kerajaan	-	8.0	-	-	-
Tolak: Penebusan	8.2	53.6	28.0	11.0	48.1
Sekuriti Kerajaan Malaysia	8.2	41.1	24.0	-	26.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	12.5	4.0	11.0	22.0
Sukuk Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**37.9**	**62.8**	**20.7**	**(2.0)**	**35.2**
Saham	7.5	17.9	3.2	0.8	7.1
Bon korporat, Bersih	30.5	44.9	17.5	(2.8)	28.1
Bon korporat, Kasar	*40.6*	*85.6*	*27.6*	*19.2*	*85.3*
Tolak: Penebusan	*10.1*	*40.8*	*10.0*	*22.1*	*57.2*
Jumlah	**51.4**	**109.6**	**13.5**	**2.1**	**74.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Tebitan Bon Korporat Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan untuk tujuan perbelanjaan modal, modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia


Kadar hasil bon meningkat pada suku keempat

Trend kadar hasil MGS meningkat pada suku keempat 2016, sejajar dengan kadar hasil bon global. Ini didorong oleh pengimbangan semula portfolio pelaburan oleh pelabur terhadap aset dolar Amerika Syarikat, terutamanya ekuiti, berikutan keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 juga menyebabkan kesan limpahan ke atas kadar hasil bon pada peringkat global, termasuklah kadar hasil MGS. Pelabur bukan pemastautin mengurangkan pemegangan MGS sebanyak RM12.9 bilion pada suku keempat. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 62.6, 46.2 dan 67.7 mata asas. Dalam pasaran bon korporat, peningkatan kadar hasil secara relatif terkawal dalam keadaan pemegangan bon korporat yang rendah dan stabil oleh bukan pemastautin serta permintaan berterusan oleh pelabur domestik.

Urus niaga dalam pasaran bon lebih rendah


Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder lebih rendah pada RM223.4 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM269.1 bilion) dalam keadaan ketidakpastian yang berpunca daripada keputusan pilihan raya Amerika Syarikat dan apabila pelabur bersedia menghadapi kemungkinan yang lebih tinggi bahawa kadar faedah Amerika Syarikat akan dinaikkan. Sehubungan dengan itu, semua segmen mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah berbanding dengan suku sebelumnya. Segmen MGS, GII dan bon korporat masing-masing mencatat nisbah mudah tunai 0.36, 0.26 dan 0.06.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia




Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia


FBM KLCI merosot pada suku keempat

Pada suku keempat 2016, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI merosot 0.7% untuk ditutup pada 1,641.7 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2016: 1,652.6 mata). Pada suku keempat, pasaran ekuiti telah terjejas akibat jangkaan pasaran bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat. Selain itu, ketidakpastian yang berpunca daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS telah menyebabkan pengimbangan semula portfolio oleh pelabur global lantas mengurangkan pemegangan ekuiti Malaysia. Walau bagaimanapun, kesan penurunan ini dikurangkan oleh sentimen pasaran yang bertambah baik menjelang akhir tahun 2016 dalam keadaan kenaikan harga minyak dunia berikutan perjanjian OPEC untuk mengurangkan pengeluaran. Di Malaysia, indeks juga disokong oleh sentimen positif susulan pengumuman Belanjawan 2017 dan pembelian aktif saham mewah terpilih apabila pelabur mengukuhkan kedudukan pelaburan mereka menjelang akhir tahun 2016.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran berkurang kepada RM1.67 trilion pada akhir bulan Disember 2016 (akhir bulan September 2016: RM1.69 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.54 bilion unit (S3 2016: 1.87 bilion unit) pada suku keempat.

Pada 14 Februari 2017, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1708.9 mata (sejak akhir bulan Disember 2016: +4.1%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.75 trilion (sejak akhir bulan Disember 2016: +4.9%).

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2016 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2015		2016		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sept	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,692.5	1,692.5	1,652.6	1,641.7	1,641.7
FBMEMAS[1]	11,793.7	11,793.7	11,687.6	11,466.5	11,466.5
Pasaran ACE[2]	6,389.2	6,389.2	5,219.9	4,780.7	4,780.7
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,695.2	1,695.2	1,686.2	1,667.4	1,667.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	903	903	905	904	904
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	2,234.0	2,038.3	1,870.0	1,540.5	1,762.9
Nilai (RM juta)	2,149.7	2,082.2	1,876.7	1,931.0	1,963.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2015				2016					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	138.5	133.3	501.4	512.2	114.1	114.5	95.5	119.7	433.7	484.1
Antaranya:										
Papan Utama	82.5	121.4	299.1	464.6	73.2	107.8	65.0	114.2	289.8	457.9
Antaranya										
Produk Pengguna	7.0	6.8	26.9	25.6	4.9	6.1	4.4	5.9	26.2	26.3
Produk Industri	19.1	21.8	59.0	60.0	14.2	14.1	14.1	15.9	57.1	65.1
Pembinaan	3.9	4.6	16.5	22.9	3.4	4.7	4.4	6.0	15.8	21.3
Dagangan/Khidmat	32.4	51.3	124.7	204.3	31.9	47.4	25.7	47.8	119.3	194.7
Kewangan	2.9	17.7	12.8	79.6	4.1	18.2	4.0	21.9	14.8	83.7
Harta Benda	7.5	5.0	23.7	18.9	4.6	4.9	3.4	3.4	19.9	15.0
Perladangan	1.7	5.0	5.0	15.6	1.7	5.7	1.8	6.2	6.5	23.5
Infrastruktur	1.0	4.3	4.2	18.8	0.7	2.5	0.7	2.6	2.9	11.0
Pasaran ACE[1]	36.7	8.3	139.2	32.2	19.2	3.4	14.8	2.1	77.8	14.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Kelemahan ringgit didorong terutamanya oleh faktor luaran


Ringgit dan semua mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Penyusutan nilai ini didorong terutamanya oleh aliran keluar pelaburan portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan ketidakpastian yang timbul daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 memburukkan lagi aliran keluar portfolio dan terus menambah tekanan terhadap kebanyakan mata wang utama dan serantau. Ringgit juga menghadapi pelarasan tambahan pada suku itu berikutan kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward contract, NDF). Namun ringgit bersama-sama mata wang serantau mulai stabil menjelang akhir suku keempat dalam keadaan pasaran kewangan global semakin stabil. Pelaksanaan langkah-langkah untuk membangunkan, menperdalam dan menangani ketidakseimbangan yang semakin nyata dalam pasaran pertukaran asing domestik dan harga minyak mentah dunia yang lebih kukuh juga menjadikan pasaran pertukaran asing domestik lebih stabil menjelang akhir suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 7.6% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.6%), paun sterling (-2.4%) dan dolar Australia (-2.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali won Korea, antara 2.1% hingga 5.6%.

Antara 1 Januari hingga 14 Februari 2017, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.8%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (0.1%) tetapi menyusut


Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Oktober - 30 Disember 2016)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh			% perubahan sejak*	
	S4 2015	S3 2016	S4 2016	S4 2015	S3 2016
Dolar AS	4.2920	4.1455	4.4860	-4.3	-7.6
Euro	4.6918	4.6500	4.7238	-0.7	-1.6
Paun sterling	6.3607	5.3775	5.5108	15.4	-2.4
Dolar Australia	3.1338	3.1632	3.2436	-3.4	-2.5
100 yen Jepun	3.5645	4.0881	3.8442	-7.3	6.3
Dolar Singapura	3.0356	3.0359	3.1016	-2.1	-2.1
100 baht Thailand	11.922	11.943	12.517	-4.7	-4.6
100 peso Filipina	9.1494	8.5492	9.0516	1.1	-5.6
100 rupiah Indonesia	0.0311	0.0319	0.0334	-6.9	-4.4
100 won Korea	0.3651	0.3762	0.3720	-1.8	1.1
100 dolar Taiwan Baharu	13.056	13.236	13.915	-6.2	-4.9
Renminbi China	0.6610	0.6215	0.6455	2.4	-3.7

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

nilai berbanding dengan paun sterling (-1.2%), yen Jepun (-1.9%) dan dolar Australia (-5.0%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau dalam tempoh tersebut.

Aktiviti derivatif pertukaran asing lebih giat pada suku keempat 2016 kerana turun naik pasaran kewangan meningkat selepas keputusan pilihan raya Presiden AS pada pertengahan November

Jumlah derivatif pertukaran asing lebih tinggi sebanyak 9.9% (S3 2016: -11.1%) pada suku keempat berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh jumlah swap FX antara bank yang lebih tinggi (13.3%) dan urus niaga swap kadar faedah mata wang bersilang (2.5%). Peningkatan dalam jumlah swap FX antara bank disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam permintaan terhadap dolar AS berikutan pelarasan portfolio bukan pemastautin selepas keputusan pilihan raya Presiden AS, langkah menaikkan kadar faedah oleh Federal Reserve AS pada bulan Disember dan keperluan mudah tunai dolar pada akhir tahun. Aktiviti swap FX antara bank juga mencatat pertumbuhan 12% pada S4 2016 berbanding dengan S3 2016 manakala jumlah urus niaga hadapan berkurang 1% daripada suku sebelumnya.

Swap kadar faedah mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun meningkat kepada 68 mata asas daripada 55 mata asas pada suku sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap mudah tunai dolar AS dalam pasaran domestik, di tengah-tengah jangkaan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat.

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Sistem kewangan dalam negeri kekal berdaya tahan

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun terdapat ketidaktentuan global berikutan penyesuaian dasar dalam kalangan ekonomi utama. Di dalam negara, permodalan sistem perbankan kekal kukuh untuk menjalankan fungsi pengantaraan, dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Memandangkan perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap prospek ekonomi yang mencabar dan kos sara hidup yang semakin meningkat, penampan kewangan ini akan menyokong daya tahan institusi kewangan. Pada masa hadapan, peristiwa luaran akan terus memberikan banyak tekanan terhadap turun naik pasaran kewangan domestik. Ini termasuk ketidaktentuan yang semakin meningkat dalam perkembangan politik dan pertumbuhan ekonomi utama serta harga komoditi yang tidak menentu. Namun, kestabilan sistem kewangan domestik dijangka terpelihara memandangkan keupayaan institusi kewangan untuk menampung kerugian disokong oleh penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur


Ketidaktentuan global yang berpunca daripada keputusan pilihan raya presiden AS, masa dan kekerapan kadar faedah Federal Reserve AS dikembalikan ke paras wajar serta turun naik yang berterusan dalam pasaran komoditi banyak mempengaruhi sentimen dan tingkah laku pelabur sepanjang suku keempat, terutamanya pada bulan November. Walau bagaimanapun, turun naik purata pasaran kewangan domestik berkurang pada suku terakhir, meskipun terdapat sedikit kenaikan dalam Indeks Tekanan Pasaran Kewangan. Walau bagaimanapun, dalam pasaran MGS, turun naik purata kadar hasil MGS 10 tahun meningkat sedikit (S4 2016: 14.0%; S3 2016: 10.3%) berikutan penentuan semula harga kadar hasil bon kerajaan selepas pilihan raya presiden AS.

Pelaburan portfolio mencatat kedudukan aliran keluar bersih sebanyak RM22.3 bilion (S3 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM10.6 bilion), didorong terutamanya oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran bon. Ini mengurangkan pemegangan bukan pemastautin kepada 32.1% (S3 2016: 35.4%) daripada jumlah MGS dan GII terkumpul pada akhir tahun, dengan kira-kira 63% (S3 2016: 58%) daripada pemegangan ini akan matang dalam tempoh 5 tahun akan datang. Kadar hasil MGS 3, 5 dan 10 tahun masing-masing meningkat kepada 3.50%, 3.70% dan 4.23% (S3 2016: masing-masing 2.88%, 3.24% dan 3.55%) berikutan kadar hasil bon global yang lebih tinggi. FBM KLCI mengakhiri suku itu lebih rendah pada 1641.73 mata (S3 2016: 1652.55 mata), dengan pemegangan bukan pemastautin turun sedikit kepada 22.3% (S3 2016: 22.8%) daripada jumlah permodalan pasaran.

Mudah tunai dagangan dalam pasaran secara amnya mampan dengan nisbah urus niaga bulanan MGS turun sedikit kepada 11.8% (S3 2016: 12.4%), manakala nisbah urus niaga pasaran ekuiti bagi FBM KLCI meningkat sedikit kepada 1.9% (S3 2016: 1.7%). Spread

Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Darjah tekanan, % (Berlapis, Minimum=0, Maksimum=100)




Nota:
1. FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibina dari penunjuk turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - bon, wang, ekuiti, pertukaran asing, dan institusi kewangan.
2. Tahap indeks pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai nilai antara 0 hingga 100, menandakan tahap tekanan yang paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

bida-tawar tidak berubah pada 0.4% daripada harga pertengahan bagi FBM KLCI tetapi meningkat sedikit kepada 0.2% daripada harga pertengahan bagi MGS.

Dalam pasaran mata wang, penetapan harga ringgit dalam pasaran dalam negeri dipengaruhi oleh kesan daripada kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (NDF) ringgit luar pesisir. Pelarasan ringgit menjadi lebih ketara selepas pilihan raya presiden AS, dengan ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.9% kepada RM4.4680 menjelang 1 Disember 2016. Pada S4 2016, spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun meningkat kepada 68 mata asas (S3 2016: 55 mata asas), manakala spread swap mungkir kredit kerajaan 5 tahun meningkat kepada 137.5 mata asas (S3 2016: 122.4 mata asas). Pada bulan November 2016, Bank Negara Malaysia memperkukuh peraturan sedia yang tidak mengiktiraf pasaran NDF ringgit bagi membendung kesan limpahan dari pasaran luar pesisir ke dalam pasaran pertukaran asing (FX) domestik. Selain itu, beberapa langkah telah diperkenalkan pada 2 Disember 2016 untuk menstabilkan keadaan dalam pasaran kewangan. Ini termasuk langkah-langkah untuk menggalakkan pasaran lindung nilai dalam negeri dan menambah baik kedalaman dan mudah tunai pasaran FX domestik. Walaupun langkah-langkah ini akan mengambil masa untuk menghasilkan kesan yang dikehendaki, turun naik purata dalam pasaran ringgit dalam negeri telah reda (November 2016, Disember 2016 dan Januari 2017: masing-masing 7.5%, 6.4% dan 5.4%). Ringgit terus menyusut nilai sebanyak 0.4% untuk mengakhiri suku itu pada RM4.4860 bagi setiap dolar AS (S3 2016: RM4.1455). Spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun dan swap mungkir kredit kerajaan masing-masing susut kepada 58 mata asas dan 131 mata asas pada akhir bulan Januari 2017.

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dedahan risiko kredit kekal terurus dalam keadaan keupayaan membayar balik hutang yang berterusan

Dedahan risiko kredit dan kualiti aset institusi kewangan kekal utuh, disokong oleh keupayaan membayar balik hutang yang berterusan melalui peminjam. Delinkuensi pinjaman, yang diukur melalui pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan, kekal stabil pada 2.1% daripada jumlah pinjaman bank. Nisbah pinjaman terjejas, yang bersih daripada peruntukan jejas nilai individu, bertambah baik kepada 1.2% daripada pinjaman bersih. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman bank[3] kekal lebih daripada mencukupi pada kira-kira 90.2% (S3 2016: 89.4%). Selain itu, bank juga telah memperuntukkan rizab pengawalseliaan sebagai penampan terhadap kemungkinan kerugian kredit bagi pinjaman dan portfolio pembiayaan. Dedahan kredit bagi industri insurans dan takaful sebahagian besarnya tidak berubah pada 4.1% (S3 2016: 4%) daripada jumlah modal tersedia.

Hutang isi rumah terus berkembang dengan lebih sederhana pada asas tahunan pada 5.4% (S3 2016: +5.8%; S4 2015: +7.3%) pada

[3] Merujuk kepada nisbah peruntukan jejas nilai individu dan kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas

suku terakhir 2016. Pembiayaan perumahan, yang meningkat 9.1% (S3 2016: +9.6%), terus menjadi penyebab utama peningkatan hutang isi rumah dalam keadaan permintaan yang berterusan terhadap rumah mampu milik. Peningkatan tahunan bagi pembiayaan terkumpul untuk kegunaan peribadi naik 4.8% (S3 2016: +5%). Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah terus disokong secara amnya oleh pendapatan dan keadaan guna tenaga yang stabil, berserta dengan pengukuhan penilaian kemampuan oleh pemberi pinjaman. Kira-kira 74% daripada peminjam dengan pinjaman yang baru diluluskan mempunyai nisbah khidmat bayaran hutang (dikira berdasarkan pendapatan selepas ditolak potongan wajib) yang kurang daripada 60%. Bahagian jumlah hutang isi rumah yang ditanggung oleh peminjam yang mudah terjejas[4] terus menurun kepada 22.2% (2015: 22.8%; 2014: 24.3%) daripada jumlah pinjaman bank dan bukan bank kepada isi rumah. Bagi bank, bahagiannya lebih rendah pada 19.1% (2015: 19.6%; 2014: 20.9%).

Kualiti keseluruhan pemberian pinjaman kepada isi rumah oleh bank dan bukan bank secara amnya mampan. Nisbah pinjaman terjejas agregat dan pinjaman delinkuen agregat kekal tidak berubah masing-masing pada 1.6% dan 1.5%. Paras pinjaman terjejas untuk kegunaan peribadi, bagaimanapun, meningkat tetapi kekal rendah dan stabil pada 2% (S3 2016: 2%) daripada jumlah pembiayaan peribadi. Delinkuensi yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh masalah kewangan yang dihadapi oleh peminjam yang terjejas oleh pendapatan boleh ubah yang lebih rendah dan pemberhentian pekerja oleh firma tertentu. Namun, potensi risiko terhadap kestabilan kewangan dalam negeri, terutamanya daripada peminjam mudah terjejas, kekal terkawal dalam keadaan penampan modal berlebihan bank yang lebih daripada mencukupi.

Keadaan kredit kekal kondusif dengan bukti terhad bahawa pemberian pembiayaan kepada perniagaan secara keseluruhan semakin ketat. Jumlah peminjaman meningkat 6.2% (S3 2016: +6%) pada asas tahunan pada suku keempat 2016. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh dana yang diperoleh daripada pasaran bon dan sukuk (+RM25 bilion atau +7.3%) dan peminjaman luar negeri (+RM15.5 bilion atau +5.2%). Pembiayaan bank terkumpul kepada perniagaan berkembang 4.9% (S3 2016: + 2%) didorong oleh pengeluaran lebih tinggi kepada sektor pengangkutan, harta tanah dan perkilangan. Pembiayaan kepada PKS juga mengekalkan pertumbuhan kukuh sebanyak +9.2% (S3 2016: +8.5%).

Kedudukan kewangan syarikat kekal utuh walaupun persekitaran perniagaan lebih mencabar. Agregat leveraj perniagaan Malaysia[5], seperti diukur oleh nisbah median hutang kepada ekuiti meningkat sedikit kepada 44.2% (S2 2016: 42.8%) pada akhir suku ketiga 2016. Ini disokong oleh keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai yang memuaskan. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) kekal melebihi nilai ambang kehematan sebanyak dua kali, meskipun menjadi sederhana kepada 4.1 kali (S2 2016: 5.5 kali). Pengurangan ini didorong oleh keuntungan firma yang lebih rendah dalam industri pembuatan makanan dan minuman serta automotif. Secara keseluruhan, firma terus mengekalkan penampan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi obligasi jangka pendek - nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) kekal stabil pada 1.1 kali. Seperti yang dijangka, jejas nilai dan delinkuensi yang lebih tinggi dicatat oleh sektor minyak dan gas (O&G), pengangkutan air, borong dan runcit serta infrastruktur. Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas kekal rendah pada 2.4% (S3 2016: 2.7%), manakala nisbah pinjaman delinkuen meningkat sedikit kepada 0.4% (S3 2016: 0.3%) daripada jumlah pinjaman bank kepada isi rumah.

Prospek sektor O&G dan automotif kekal lemah berikutan jangkaan bahawa paras harga minyak mentah dunia akan terus

[4] Didefinisikan sebagai peminjam dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM3,000
[5] Berdasarkan 160 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) meliputi 10 sektor ekonomi utama.

rendah dan perbelanjaan pengguna yang lembab. Median ICR keseluruhan sektor O&G kekal pada 1.2 kali pada S3 2016 manakala CASTD menurun kepada 0.7 kali (S2 2016: 0.9 kali). Keupayaan membayar balik hutang dan kedudukan mudah tunai industri automotif juga lemah, dengan ICR dan CASTD masing-masing pada 4.4 kali dan 1.1 kali (S2 2016: masing-masing 9.3 kali dan 1.5 kali). Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuensi sektor O&G adalah lebih tinggi masing-masing pada 4.1% dan 0.32% (S3 2016: masing-masing 1.8% dan 0.01%). Dalam industri automotif, pinjaman terjejas dan pinjaman delinkuen kekal rendah dan agak stabil pada 0.4% dan 0.01% daripada jumlah pinjaman bank kepada perniagaan. Dari segi penumpuan risiko, dedahan bank kepada sektor berkaitan O&G dan automotif kekal kecil masing-masing pada 3.1% dan 0.8% daripada jumlah dedahan kepada perniagaan. Bank secara beransur-ansur telah meningkatkan paras peruntukan dan rizab pengawalseliaan bagi jejas nilai kolektif sejak tahun 2015 untuk mengukuhkan penampan bagi kemungkinan berlakunya kerugian.

Pertumbuhan tahunan purata bagi Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) bagi sembilan bulan pertama 2016 lebih rendah pada 6.4% berbanding dengan purata 9.5% antara tahun 2010 hingga 2015. Pasaran perumahan primer dan sekunder kekal lembab di seluruh negeri utama dan jenis rumah dalam keadaan sentimen pengguna yang berhati-hati. Berlatarkan perkembangan ini, urus niaga perumahan dari segi jumlah dan nilai masing-masing menurun 13.9% kepada 49,640 unit (S2 2016: -12.5% kepada 52,487 unit) dan 12% kepada RM15.6 bilion (S2 2016: -9.7% kepada RM16.7 bilion). Walau bagaimanapun, permintaan terhadap rumah mampu milik kekal kukuh, disokong oleh kadar kelulusan yang stabil. Kegiatan spekulasi dalam pasaran perumahan adalah lembab kerana pertambahan jumlah peminjam dengan tiga atau lebih pinjaman perumahan terkumpul kekal rendah dan stabil pada 1.4% (S3 2016: +1.6%).

Dedahan risiko pasaran disokong oleh pengurusan risiko dan strategi perlindungan nilai

Dedahan bank kepada risiko pasaran kebanyakannya dalam bentuk risiko FX. Pada akhir bulan Disember, kedudukan terbuka bersih FX bank menurun kepada 6.2% (S3 2016: 6.7%) daripada jumlah modal, memandangkan bank terus menguruskan dedahan FX secara aktif dalam keadaan turun naik ringgit. Dedahan kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti kekal rendah, masing-masing mencakupi 1.1% dan 0.8% daripada jumlah modal (S3 2016: masing-masing 1.2% dan 1.0%). Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran lebih rendah pada 13.3% (S3 2016: 14.4%) daripada jumlah modal tersedia, didorong oleh risiko kadar faedah yang bertambah baik. Risiko ekuiti yang membentuk sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran bagi syarikat insurans, meningkat sedikit kepada 7.7% (S3 2016: 7.6%) daripada jumlah modal tersedia.

Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Penampan modal yang digabungkan bagi bank, syarikat insurans dan pengendali takaful berjumlah RM172.5 bilion. Bank mengekalkan tahap dan kualiti permodalan yang tinggi. Hal ini dicerminkan dalam nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal bank yang tinggi, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (S3 2016: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.7%). Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 243.8% (S3 2016: 226.3%).

Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan berjumlah RM7.7 bilion pada suku keempat (S3 2016: RM7.9 bilion), dengan pertumbuhan pendapatan berasaskan fi sebahagiannya mengimbangi penurunan pendapatan dividen


daripada syarikat subsidiari serta aktiviti perdagangan dan pelaburan. Sungguhpun begitu, margin pembiayaan (termasuk faedah) selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian bertambah baik kepada 0.6 mata peratusan (S3 2016: 0.58 mata peratusan).

Dalam sektor insurans dan takaful, syarikat insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih tinggi sebanyak RM891.4 juta pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM885.4 juta), hasil daripada pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Tidak seperti suku sebelumnya iaitu apabila penilaian yang lebih tinggi dalam pasaran bon memberikan manfaat kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga, keadaan ini berbeza pada suku keempat disebabkan oleh peningkatan dalam kadar hasil bon. Ini menjelaskan sebab bagi penurunan lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan yang ketara kepada RM0.7 bilion (S3 2016: RM5.3 bilion).

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Jumlah penempatan sistem perbankan, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank Negara Malaysia yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai ialah RM179.9 bilion. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[6] Basel III sistem perbankan ialah 124.8% pada akhir bulan Disember 2016, jauh melebihi keperluan semasa peralihan minimum pengawalseliaan sebanyak 70% (S3 2016: 127.0%). Kira-kira 80% daripada bank mencatat paras LCR melebihi 100%.


Keadaan pendanaan domestik kekal stabil pada suku keempat. Kos deposit purata bagi bank dan KLIBOR 3 bulan masing-masing stabil pada 2.6% dan 3.4%. Struktur pendanaan bank kekal stabil dan kebanyakannya berasaskan deposit (69.4% daripada jumlah pendanaan) dan dalam mata wang tempatan. Secara agregat, deposit sistem perbankan mencatat pertumbuhan positif

Sistem Perbankan: Permodalan Basel III




Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keberuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] LCR Basel III dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2017, keperluan minimum telah ditetapkan pada 80%.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2015		2016		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM juta				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	5,257	12,020	5,348	651	13,253
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	679	2,698	885	891	3,406
Nisbah tuntutan (%)	60.6	60.2	56.4	56.9	56.0
	Perubahan tahunan (%)				
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	148.2	-12.6	1,382.0	-87.6	10.3
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	-10.6	-15.1	59.3	31.2	26.3
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	1.1	2.7	-9.1	-3.7	-4.2


Sumber: Bank Negara Malaysia

sebanyak 1.5% (S3 2016: 0.8%). Deposit isi rumah terus berkembang pada kadar 5.1% (S3 2016: +4.6%), lantas mengimbangi penurunan dalam deposit daripada perniagaan (S4 2016: -2.3%; S3 2016: -4.7%).

Meskipun sebahagian besar daripada pendanaan bank kekal dalam bentuk deposit, bank terus mempelbagaikan struktur pendanaan mereka melalui terbitan instrumen pendanaan jangka sederhana dalam ringgit dan mata wang asing. Jumlah terbitan bersih sekuriti hutang pada S4 2016 berjumlah RM4.8 bilion (S3 2016: RM 0.3 bilion). Hal ini menyumbang ke arah pengurangan ketidakpadanan kematangan dan mata wang dalam struktur pendanaan bank. Dengan mengambil kira struktur pendanaan yang lebih luas, nisbah pinjaman kepada dana[7] (loan-to-funds, LTF) ialah 84.3% (S3 2016: 83.4%) pada akhir suku keempat 2016.

Liabiliti luaran bersih bank-bank Malaysia berjumlah RM157 bilion (S2 2016: RM146 bilion) pada akhir S3 2016, dalam keadaan amalan pengurusan mudah tunai berpusat yang berterusan dalam kalangan bank-bank Malaysia yang mempunyai entiti luar negeri yang berkaitan. Beberapa bank asing lebih kecil yang

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III



Sumber: Bank Negara Malaysia

diperbadankan di Malaysia (locally incorporated foreign bank, LIFB) secara beransur-ansur mengurangkan penempatan antara kumpulan dengan bank induk luar negeri untuk mematuhi keperluan Had ke Atas Dedahan Kepada Sesuatu Rakan Niaga[8] (Single Counterparty Limit, SCEL) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Keperluan SCEL terhadap dedahan dengan entiti perbankan berkaitan mempunyai tempoh peralihan selama dua tahun untuk membolehkan pelarasan secara beransur-ansur dan mengurangkan kesan terhadap operasi LIFB. Sungguhpun begitu, struktur dedahan luaran sistem perbankan Malaysia sebahagian besarnya tidak berubah.

[7] Dana terdiri daripada deposit dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/ sukuk yang diterbitkan, kertas perdagangan dan nota berstruktur).

[8] Keperluan SCEL mengehadkan dedahan institusi kewangan kepada sesuatu rakan niaga yang merupakan entiti perbankan yang berkaitan kepada 50% daripada jumlah modal institusi perbankan (tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Bank Negara Malaysia).